

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

FUNGSI pensyarah bukan hanya sebagai guru yang menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga menjadi sarjana yang memberi rangsangan kepada mahasiswa untuk membuka alam pemikiran dan kreativiti mereka.

Mereka berperanan mendorong mahasiswa meneroka sesuatu yang dipelajari agar lebih bersaing untuk menjadi intelektual dan terpelajar.

Di sini, hubungan antara pensyarah dan mahasiswa penting bagi memastikan kewibawaan universiti sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu dapat dikembang dan direalisasikan dengan baik.

Namun, dalam sesetengah keadaan, ada juga segelintir mahasiswa yang cuba meraih kejayaan mudah dengan merencana agenda tersembunyi di sebalik hubungan baik yang terjalin dengan pensyarah.

Senario bodek membodek berlaku dan ada kalanya pensyarah bagaikan termakan pujukan dan dengan mudah memberi penilaian yang tinggi biarpun hakikatnya prestasi mahasiswa itu tidaklah seberapa.

Mengulas mengenai isu itu, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Roslizawati Mohd Ramly, berkata profesion pensyarah boleh disamakan seperti guru di



ROSLIZAWATI (kanan) berkongsi idea bersama pelajarinya, Nurul Mu'azzah dan Muhammad Shahizad (kiri) mengenai isu hubungan pensyarah dan pelajar di Usim, baru-baru ini.



“Mahasiswa seharusnya sedar kecemerlangan hanya mampu dicapai jika mereka benar-benar berusaha dan melakukan apa yang terbaik dalam setiap tugas yang diberikan”

Nurul Mu'azzah Roalli

Pelajar Ijazah Sarjana Muda masing-masing Pentadbiran Korporat dan Hubungan, Usim

Siswa mengampu

Elak hubungan pensyarah, pelajar kerana maksud tersembunyi

sekolah dan ia dipandang tinggi masyarakat hari ini.

Justeru, beliau berkata, perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah pensyarah dalam memikul tanggungjawab mendidik mahasiswa secara tidak langsung mencemar status dan profesionalisme seluruh ahli akademik itu.

Mahasiswa pula katanya, sebagai kelompok yang berintelektual tinggi tidak

seharusnya mengambil jalan mudah untuk berjaya kerana kesudahannya ia tidak memberi apa-apa makna kepada masa depan mereka itu sendiri.

“Dalam konteks hubungan antara pensyarah dengan mahasiswa, saya lebih selesa menganggap mahasiswa sebagai kawan bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan komunikasi yang tidak terlalu formal.

“Kebiasaannya mahasiswa juga senang dengan keadaan ini dan mereka tidak kekok untuk berkongsi apa jua pandangan atau idea, mahupun masalah yang dihadapi.

“Namun, bila berdepan dengan situasi atau keadaan yang memerlukan saya menilai tahap pencapaian mahasiswa, saya lebih bersikap profesional dan tidak menjadikan hubungan itu sebagai faktor yang boleh mempengaruhi tahap penilaian yang akan diberikan kepada mahasiswa terbabit,” katanya.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan, Usim, Nurul Mu'azzah Roalli, realiti hubungan antara mahasiswa dengan pensyarah tidak lagi hambar berbanding zaman sebelum ini kerana majoriti mahasiswa masa kini banyak memanfaatkan peluang diberikan untuk berunding berkaitan masalah akademik atau berkongsi ilmu dengan pensyarah.

Katanya, pertemuan den-

gan pensyarah bukan hanya di dewan kuliah, malah menyusul sehingga ke bilik pensyarah dengan perbincangan lebih tertumpu kepada aspek pembelajaran tanpa ada maksud yang tersembunyi.

“Saya rasa tidak wujud lagi perbuatan bodek membodek pensyarah semata-mata ingin mendapatkan markah yang lebih tinggi biarpun tugas yang disiapkan tidaklah seberapa.

“Malah, saya yakin mahasiswa kini lebih matang dan mampu bertikir secara rasional terhadap baik buruknya setiap tindakan yang dilakukannya kerana kesannya suatu ketika nanti akan merugikan mereka sendiri.

“Mahasiswa seharusnya sedar kecemerlangan hanya mampu dicapai jika mereka benar-benar berusaha dan melakukan apa yang terbaik dalam setiap tugas yang diberikan,” katanya.

Muhamad Shahizad Saleh, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, pula

berpendapat kebanyakan pensyarah hari ini lebih bersikap bertimbang rasa dan bersedia membantu pelajar masing-masing khususnya ketika tahun pertama berdepan cabaran bergelar mahasiswa.

Katanya, senario itu secara tidak langsung mengganggalkan hubungan baik mahasiswa dan pensyarah dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

“Namun, dalam isu hubungan mahasiswa dan pensyarah yang disalahgunakan, saya menganggap ia tidak wajar dan jika berlaku sekalipun, ia mungkin kes yang amat terpercik.

“Hakikatnya, bergelar seorang mahasiswa adalah satu cabaran yang besar dan tiada jalan mudah untuk kita berjaya. Tindakan negatif mahasiswa disifatkan sebagai tidak berakal kerana mereka tidak wajarnya bijak memanfaatkan hubungan baik yang wujud dengan pensyarah,” katanya.

“Dalam konteks hubungan antara pensyarah dengan mahasiswa, saya lebih selesa menganggap mahasiswa sebagai kawan bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan komunikasi yang tidak terlalu formal”

Roslizawati Mohd Ramly

Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

